

# Wanita Islam berjuang

(Bagi mempertahankan agama dan tanah air dari langgaran musuh-musuh Islam, empat saudara lelaki kepada “Umaymah” telah keluar menentang musuh di medan pertempuran. Tidak berapa antaranya Umaymah menerima berita yang memilukan hati, bahawa keempat-empat saudaranya yang dikasihi itu telah gugur syahid di medan perjuangan. Akhirnya . . . . Apakah langkah yang telah di ambil oleh Umaymah dalam perjuangan suci ini? Baca jawapannya dalam bahagian yang akhir ini – Pengarang Qalam)

Oleh: *Faḍīlatu al-Ustādh* Ahmad al-Sharbaṣī, Maha Guru Universiti Azhar – Mesir.

(Dipetik dan disusun oleh Putera Abadi)

## (II)

“Apakah yang patut aku buat sekarang ini?”

Kata Umaymah seorang diri sebaik-baik sahaja tentera utusan itu meninggalkan rumahnya. “Di manakah kubur saudara-saudaraku, supaya dapat aku curahkan air matakु menyiraminya? Di manakah senjata-senjata mereka supaya dapat aku gunakan untuk berjuang menegakkan agama Allah? Apa kesudahanku sekarang ini?”

Sedang Umaymah berkata-kata seorang diri tiba-tiba pintu rumahnya diketuk orang. Umaymah pun bertanya siapa orang itu, lalu didengarnya suara rakan-rakannya Asma’ dan Lamyā’. Umaymah segera membuka pintu lalu mengajak mereka masuk.

“Apa yang menimpa engkau hari ini?” bertanya Asma’ kerana dilihatnya Umaymah sedih dan sugul.

“Tak ada apa-apa” jawab Umaymah.

“Tak ada apa-apa tetapi aku lihat engkau muram dan

kesan-kesan air mata masih ada di matamu?” tanya Asma’ lagi.

Lamyā’ pula menyampuk lalu berkata: “Ceritakanlah Umaymah, apa yang telah berlaku?”

Umaymah menangis lalu menceritakan tentang berita kematian saudaranya yang berempat di medan perang – mati syahid semuanya dalam membela agama Allah.

Asma’ terperanjat mendengar lalu bertanya:

“Siapakah yang menyampaikan berita ini kepadamu?

Adakah pahlawan-pahlawan Islam kita telah kembali dari medan perjuangan?”

“Tidak” jawab Umaymah, “Pahlawan-pahlawan kita belum pulang. Berita itu disampaikan oleh seorang tentera utusan pagi tadi.”

Dengan hati yang terharu Lamyā' pula berkata:

di sini? . . . . lebih baik engkau pindah sahaja dan

“Sesungguhnya sedih ke empat-empatnya mati belaka. Tidak  
seorang pun yang hidup. Alangkah pilunya?”

bersama-sama dengan salah seorang daripada kami, supaya  
dapat dijaga oleh keluarga kami.” Kata pula

“Engkau salah sangka Lamyā'” sahut pula

Asma'.

Asma' membetulkan kata-kata rakannya Lamyā' yang tidak  
disetujuinya. “Bukan begitu kata-kata yang sepatutnya  
dikeluarkan oleh wanita Islam, tetapi katalah: “*Innā li Allāhi  
wa innā ilayhi rāji'ūn*. Segala puji bagi Allah ‘*Azza wa Jalla*  
yang telah mentakdirkan dan melakukan kehendaknya.” Kata  
Asma' lagi.

Kata-kata yang tulus ikhlas dari rakan-rakannya

Lamyā' dan Asma', menjadikan Umaymah makin terharu

lalu berkata:

“Terima kasih Asma', seseorang itu bukan

miskin kerana harta tetapi miskin kerana iman dan

cita-cita. Tuhan akan melimpahkan rahmatnya ke atas almarhumah

saudara perempuanku yang sulung, yang pernah bermadah.

“Apa yang engkau akan buat wahai Umaymah, sedang  
engkau seorang diri?” Bertanya Lamyā' dengan terharu.

Penduduk kecil yang sunyi sepi

“Bagaimana engkau tinggal seorang diri

lebih baik dari istana tersergam tinggi.



Guru-guru agama perempuan Singapura sedang bersidang untuk membincangkan penubuhan “Persatuan Guru Agama Perempuan Singapura” yang telah berlangsung baharu-baharu ini.

Pakaian kasar lebih sedap mata memandang  
dari pakaian halus yang tipis membayang.  
Memakan sisa makanan yang keras kering  
lebih baik dari memakan roti lembut gebu.  
Angin yang menghembus kuat  
lebih baik dari paluan rebana yang bertingkah  
Suara anjing liar yang menyalak  
lebih baik dari miau kucing yang cantik  
Hidup menderita sengsara  
lebih baik dari hidup bahagia.  
Tanah air yang dikasihi menjadi tebusan  
cukuplah hidupku membela watan.

Sebaik-baik sahaja Umaymah selesai bermadah, tiba-tiba  
Lamyah' mencelah lalu berkata: "Umaymah aku harap  
bersabarlah. Engkau akan mendapat balasan yang sebaik-baiknya.  
Sabarlah, Tuhan berserta orang-orang yang sabar. Orang-orang yang  
sabar itu mendapat pahala yang tidak terhitung."

Umaymah tunduk sebentar lalu mengangkat kepalanya  
sambil berkata: "Tuhan akan pertemukan kita. Kalau  
kamu berdua tak datang berjumpa dengan aku, aku akan  
pergi berjumpa kamu. Aku tidak berhajat supaya  
kamu berdua tak datang berjumpa dengan aku, aku akan  
berusaha supaya dapat membantu pahlawan-pahlawan kita yang sedang  
berjuang menentang musuh."

"Apa yang engkau katakan itu memang benar wahai  
Umaymah", sahut Asma', "Aku ada seutas kalung  
permata, aku akan jual membantu pahlawan-pahlawan kita  
dan untuk menambahkan senjata-senjata kita . . . ."

Lamyah' pula segera menyokong, lalu berkata: "Aku

juga akan membantu dengan harta perniagaan ayahku yang  
banyak itu. Aku akan sediakan segala apa jua bantuan  
untuk pahlawan-pahlawan kita."

Dengan rupa terharu Umaymah pula berkata:

"Aku . . . . . aku tidak ada intan permata, tidak  
juga mempunyai ayah yang menguruskan perniagaan, maka  
apakah yang patut aku buat? Apakah yang patut aku buat  
wahai Tuhanku? . . . ."

"Jangan berkata begitu wahai Umaymah", kata  
Asma' lalu menyambung: "Kita semua adik-beradik,  
segala bantuan yang tersebut kita akan berikan atas  
nama kita bersama."

"Tidak, tidak . . . aku tak rela dengan sedemikian  
itu . . . . . tidakkah aku mempunyai sesuatu yang boleh  
menolong dalam perjuangan suci ini?" kata Umaymah  
lalu berfikir sejezur, kemudian berkata lagi  
sambil mengusap-usap rambutnya yang panjang: "Segolongan  
orang-orang penakut di negeri ini tidak turut serta dalam  
perjuangan menentang musuh . . . . ."

Tiba-tiba Lamyah' menyampuk: "Memang benar yang engkau  
katakan itu wahai Umaymah. Aku dengar Imam masjid kita  
telah menasihati sekalian hadirin dalam ucapannya  
di perjumpaan ramai baharu-baharu ini, supaya segenap lapisan  
umat Islam tampil berjuang menentang musuh. Tetapi  
sayang, hanya sedikit dari orang-orang Islam kita  
di daerah ini yang menyahut seruan suci itu."

Pada saat itu terlintas di hati Umaymah hendak  
mencabar golongan pengecut itu, lalu berkata: "Aku ada  
satu perkara yang mahu aku kemukakan. Biar aku  
potong rambutku yang panjang ini, dan setelah dijalin,

aku akan berikan kepada tuan imam untuk dijadikan hadiah kepada siapa-siapa yang keluar berjuang, dari golongan pengecut itu. Rambutku itu boleh dibuat tali ras kuda untuk menggempur musuh di medan perang.”

“Ini satu fikiran yang cemerlang dan sangat tinggi maknanya.” kata Asma’ menyambut fikiran yang dikemukakan oleh Umaymah.

Suasana menjadi sunyi sepi. Tiba-tiba Umaymah berkata: “Biar aku sekarang tunaikan apa yang aku katakan itu. Di mana gunting? . . . .” Umaymah pun mencari gunting lalu mengerat rambutnya. Setelah itu Umaymah mendayu-dayu: “Tuhanku, perkenankanlah perbuatanku ini, moga-moga akan terjumlah ke dalam perbuatan orang-orang yang tulus ikhlas . . . .”

Lamyā’ tidak bersetuju lalu menyatakan kesalnya terhadap perbuatan Umaymah memotong rambutnya yang panjang lagi cantik itu. “Alangkah ruginya”, kata Lamyā’, “Kecantikan rambut telah hilang, dipotong dengan sia-sia sahaja.”

“Tidak Lamyā’”, sahut pula Asma’ “Ada faedahnya. Rambut ini akan mencabar dan membakar hangus seperti api memakan rumput-rumput kering bila bala tentera melihatnya, dan tentulah mereka mengetahui, rambut ini ialah rambut seorang wanita Islam, dan tentulah mereka akan merebutnya. Tidak siapa yang akan merebut rambut ini kecuali panglima yang handal . . . .”

Lamyā’ tunduk berfikir lalu berkata: “Kalau begitu mengapa kita tidak menurut perbuatan Umaymah ini? Mari kita potong rambut kita, dan setelah dijalin, kita serahkan kepada tuan imam.”

“Benar kata engkau”, kata Asma’, lalu keduanya pun memotong rambut mereka seperti yang telah dilakukan oleh Umaymah.

3

Tidak jauh dari medan pertempuran, kelihatan dua orang pahlawan Islam sedang berdiri di hadapan sebuah khemah tentera.

Tiba-tiba seorang di antaranya berkata: “Tidakkah engkau lihat wahai Umar, bagaimana Tuhan ‘Azza wa Jalla telah melimpahkan pertolongan kepada umat Islam. Benar sungguh firman Allah Ta‘ālā yang bermaksud: “Allah menjadikan kalimah orang-orang kafir (iktikad syurga dan kufur mereka) terkebawah, dan kalimah Allah (tauhid dan seruan Islam) ialah yang tertinggi. Allah Maha Gagah lagi Bijaksana.”

“Engkau pula wahai Musalmah, tidakkah engkau ingat akan sebab-sebab yang membawa kemenangan yang cemerlang itu?” bertanya pula Umar.

“Aku ingat” jawab Musalmah, “Kemenangan itu ialah kerana handalnya barisan tentera Islam yang diatur dengan rapinya oleh panglima-panglima kita, dan ikhlas serta tabah pula hati bala tentera Islam menjalankan tugas masing-masing.”

“Tidak, bukan begitu wahai Musalmah, bukan itu yang menyebabkan kemenangan kita, sekali pun perkara yang engkau katakan diakui tentang besar dan pentingnya, tetapi sebab-sebab yang sebenarnya ialah rambut wanita Islam dan syarahan imam kita di masjid.”

“Itu benar”, jawab Umar, “Baharu aku ingat akan perjumpaan ramai di masjid dan ucapan yang

dihamburkan oleh imam kita pada hari itu. Tuan imam telah mencabar orang-orang kita yang pengecut, lalu diperlihatkan kepada hadirin akan gambar-gambar panglima-panglima dan pahlawan-pahlawan kita pada zaman yang lalu. Ia telah menyeru supaya kita hidup mulia atau mati bahagia. Masih terbayang-bayang pada ruangan mataku, imam kita pada hari itu sedang memegang rambut wanita dan diperlihatkan kepada orang ramai dari atas mimbar pada sangat itu mukanya kelihatan sedih, air matanya bergengang lalu menitis, orang ramai terpinga-pinga kehairanan, tidak mengetahui apakah hakikat yang sebenarnya.”

“Demi sesungguhnya”, kata pula Umar, “Aku telah naik marah ketika tuan imam kita mencampakkan jalinan rambut itu di hadapan orang ramai. Kejadian itu telah menggegar sekalian hadirin dan menghidupkan semangat kepahlawanan yang telah mati, dan telah menyedarkan bahawa mereka semuanya ialah kaum lelaki yang mempunyai jambang dan misai, hebat lagi apabila tuan imam itu bertanya dengan suara yang lantang: “Sukakah tuan-tuan sekalian tinggal bersama orang-orang yang pengecut, dan tidak berani berjuang? Fikirlah baik-baik, sama ada tuan-tuan akan mara ke hadapan atau menjadi seperti perempuan.” Umar terdiam sejeurus lalu berkata: “Mendengar kata tuan imam menggelorakan

jiwa perjuangan itu, kami pun dengan tidak bertangguh lagi, bersiap sedia, lalu keluar beramai-ramai dengan penuh semangat merempuh medan pertempuran, dan berkat pertolongan Allāh *‘Azza wa Jalla* kami berjaya mencapai kemenangan yang cemerlang!”

“Tetapi yang menghairankan ialah saudara-saudara Umaymah yang empat orang itu tidak mati sebagaimana yang dikatakan orang”, kata Musalmah lalu menyambung: “Bahkan kita lihat mereka berjuang di medan perang seolah-olah singa lakunya, menerkam dan membunuh mangsa.”

“Ini sudah tentu menggembarakan Umaymah bila mendengar berita kemenangan kita yang cemerlang dan kesemua saudaranya kembali dengan selamatnya.” jawab Umar.

4

Pada keesokan harinya, sedang Musalmah dan Umar berehat di perkhemahannya, tiba-tiba masuklah empat orang pahlawan Islam yang tidak asing kepada mereka. Setelah memberi salam dan membalas salam mereka pun berpeluk-peluk sambil bersyukur kerana mereka telah selamat dan berjaya meranapkan kekuatan musuh.

“Selamat datang pahlawan-pahlawan kita yang gagah berani.” Kata Umar mengalu-alukan mereka. Lalu disambung oleh rakannya Musalmah dengan berkata: “Selamat, selamat Amir, Husam, Nasir dan ‘Izz al-Dīn. Selamatlah saudara-saudara yang dimuliai Tuhan bersama-sama dengan saudara perempuan saudara-saudara yang mulia, wanita Islam yang berjiwa Islam dan membela Islam.”

“Terima kasih” jawab ‘Izz al-Dīn. “Marilah

Nasir, lalu disahut oleh Husam dengan berkata:

kita meraikan perayaan kemenangan, kemenangan yang telah tercapai dengan pertolongan Allah *‘Azza wa Jalla* dan limpah kurnianya. Marilah kita berehat setelah kita berjaya mencapai kemenangan – bermakna kemuliaan dan kebahagiaan.” Kata ‘Izz al-Dīn. lagi.

“Benarlah firman Allah Ta’ālā yang maksudnya: “Orang-orang yang berjuang pada jalan kami (pada meninggikan agama Islam) akan Kami beri petunjuk kepada mereka melalui jalan-jalan kami itu. Allah beserta orang-orang yang berbuat kebaikan.”

“Kemuliaan itu untuk saudara tuan-tuan, Umaymah yang sabar, dan juga untuk imam masjid kita.” kata Musalmah, lalu disambung oleh Amir dengan berkata:

(“Riwayat “wanita Islam berjuang” ini, kita telah

susun semula sebagaimana kita sajikan di sini

“Bahkan juga kemuliaan itu terpulang kepada pahlawan-pahlawan Islam yang telah menjual dunia dengan Islam.”

- Pengarang Qalam).

“Bahkan kemuliaan itu semuanya kembali kepada Allāh

*‘Azza wa Jalla* yang menjadikan sekalian alam.” Kata pula

## Siri sejarah hidup Nabi Muhammad

*ṣallā Allah ‘alayhi wa ālihi wasalam*

Disusun oleh

**Edrus**

Buku ini disusun dipersuaikan dengan sukatan pelajaran

Sejarah Islam untuk pelajaran agama di sekolah kebangsaan

di Persekutuan Tanah Melayu. Berpenggal-penggal: 1. Hāshīm ibn Abdu Manāf, 2. ‘Abd

al-Muṭṭalib, nenda nabi, 3. ‘Abd Allāh

dan Āminah – ayah bonda nabi, 4. Hari diperanakkan, 5. Halimah al-Sa’diyyah, 6. Yatim piatu, 7.

Berkahwin dengan Sīti Khadijah, 8. Menerima Wahyu.

Buku ini mengandungi 24 buah. Semuanya akan segera diterbitkan oleh Qalam Singapura. Harganya 30 sen senaskhah. Belanja mengirim 10 sen.

